

KENYATAAN MEDIA

Siaran segera

JPDC PERSIAPKAN 6,000 TENAGA KERJA MAHIR UNTUK FASA OPERASI PIPC, BEKERJASAMA DENGAN PEMAIN INDUSTRI

13 September 2022, Kuala Lumpur – Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) telah menjalankan program-program latihan peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan latihan kemahiran semula (*reskilling*) untuk hampir 6,000 tenaga kerja industri hiliran minyak dan gas di **Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang** (*Pengerang Integrated Petroleum Complex*, PIPC), Johor sepanjang tempoh 2013 hingga 2022. Dua inisiatif besar yang telah dilaksanakan ialah **Program Kemahiran Minyak dan Gas** (*Skills in Oil and Gas*, SOGA) dan **Program Bridging Gaps** dengan sokongan dana daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Menurut **Izhar Hifnei Ismail, Pemangku Ketua Eksekutif, JPDC**, jumlah tersebut merangkumi lebih 1,800 tenaga kerja yang telah menyempurnakan atau sedang menjalani **Program SOGA**. Ini adalah program latihan kemahiran teknikal dengan matlamat mempersiapkan tenaga kerja Malaysia dengan tahap kecekapan (*competency*) dan persijilan mandatori yang berkaitan dalam bidang-bidang kerja seperti yang diperlukan oleh syarikat-syarikat minyak dan gas hiliran di PIPC atau tempat lain di Malaysia.

Program SOGA telah berjalan sejak tahun 2020, menawarkan 40 kursus teknikal berkaitan pemulihan loji (*plant turnaround*) termasuk kerja-kerja penyenggaraan (*maintenance*), pembaikan (*repair*) dan baikpulih (*overhaul*), pengurusan keselamatan dan pengurusan tenaga, kesemuanya kerja-kerja penting bagi memastikan kelancaran operasi loji-loji di PIPC. JPDC merangka modul dan kandungan kursus latihan berpandukan jenis kemahiran yang diperlukan oleh syarikat. Kursus-kursus tersebut dikendalikan oleh 14 institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) awam Malaysia. Kesemua 1,505 peserta Program SOGA pada tahun 2020 dan 2021 telah berjaya mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan kursus masing-masing.

Untuk Program SOGA 2022, sebanyak 305 belia tempatan dari daerah kecil Pengerang sedang menjalani kursus-kursus berkaitan bagi mempersiapkan mereka untuk diambil bekerja oleh lima kontraktor *turnaround main mechanical and maintenance mechanical static* (TA4MS) di Kompleks Bersepadu Pengerang (*Pengerang Integrated Complex*, PIC) milik PETRONAS di dalam kawasan PIPC.

Menurut Izhar, inisiatif kedua, **Program Bridging Gaps** bermula pada tahun 2016 dengan memberi penekanan kepada menyediakan latihan pengalaman kerja (*experiential training*) untuk siswazah-siswazah universiti Malaysia dalam bidang-bidang teknikal dan kejuruteraan. Di bawah Program ini, para siswazah berpeluang mendapatkan kemahiran dan meningkatkan pemahaman mereka tentang peranan jurutera loji penapisan, jurutera medan dan jurutera penyenggaraan dalam persekitaran loji minyak dan gas.

Sebanyak 700 orang siswazah universiti Malaysia telah melalui Program *Bridging Gaps* sepanjang tempoh dari 2016 hingga 2021. Kira-kira 70 peratus daripada peserta program berjaya mendapatkan pekerjaan dengan syarikat-syarikat minyak dan gas hiliran di Malaysia. Sebanyak 50 peserta sedang menjalani Program Bridging Gaps untuk tahun 2022.

Selain daripada dua program di atas, JPDC juga mengatur kursus-kursus latihan untuk pekerja binaan menurut jenis kemahiran yang diperlukan oleh kontraktor-kontraktor pembinaan PIC sepanjang tempoh tahun 2015 hingga 2019.

Izhar memberi penerangan tersebut pada majlis penghargaan JPDC untuk majikan-majikan yang mengambil bahagian dan menyokong Program SOGA 2022 dan Program *Bridging Gaps* 2022. Acara tersebut berlangsung di reruai pameran PIPC pada hari pertama persidangan dan pameran minyak, gas dan petrokimia antarabangsa, **OGA x MOGSEC & PSC 2022** yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 13 hingga 15 September 2022.

Pada majlis tersebut, JPDC dan **Malaysian Oil & Gas Services Council (MOGSC)** menjalankan upacara pertukaran surat persetujuan bekerjasama dalam membangunkan kelompok tenaga kerja industri berkemahiran dan membentuk ekosistem perniagaan minyak dan gas hiliran yang mampan di PIPC dan Malaysia. Kerjasama tersebut memberi tumpuan kepada tiga perkara, iaitu kedua-dua pihak bersama-sama membangunkan dan menjalankan program latihan tenaga kerja kemahiran teknikal serta pengajian tenaga kerja dengan majikan yang sesuai; mewujudkan wadah untuk syarikat-syarikat kontraktor Pengerang dan Malaysia

menambahbaik keupayaan perniagaan dan kelayakan menjadi pembekal kepada industri hiliran minyak dan gas; serta gerakerja mempromosi dan menggalakkan syarikat-syarikat kontraktor minyak dan gas hiliran mendaftar sebagai ahli MOGSC.

Pada majlis itu juga, JPDC menyampaikan surat penghargaan kepada **PETRONAS Refinery and Petrochemical Corporation Sdn Bhd (PRPC)** selaku pemaju kawasan perindustrian dan pengurus Pengerang Integrated Complex (PIC), dan kepada **Jabatan Perolehan Kumpulan PETRONAS Kawasan Selatan** atas peranannya menyelaras dan membolehkan lima syarikat kontraktor TA4MS di PIC mengambil bahagian dalam Program SOGA 2022 sebagai majikan industri.

Lima syarikat kontraktor TA4MS tersebut, iaitu **Highbase Strategic Sdn Bhd**, **Shapadu Cr Asia Sdn Bhd**, **STS Edac Engineering Sdn Bhd**, **Enproserve (M) Sdn Bhd** dan **Dialog Plant Services**, turut menerima surat-surat penghargaan daripada JPDC, bersekali dengan **Kopeja Oil and Gas Sdn Bhd**, sebuah syarikat kontraktor minyak dan gas hiliran yang dibangunkan oleh anak-anak Pengerang. Secara kelompok, kesemua syarikat kontraktor tersebut telah memberi komitmen untuk mengajikan 305 tenaga kerja terdiri daripada belia-belia Pengerang selepas mereka menyempurnakan kursus latihan Program SOGA 2022. Para belia Pengerang tersebut berjaya dikumpulkan dan diserapkan ke dalam kursus latihan dengan bantuan **Koperasi Pengerang Jaya (KOPEJA)**.

Intekma Sdn Bhd turut menerima surat penghargaan daripada JPDC atas penyertaan syarikat dalam Program *Bridging Gaps* 2022 melibatkan 50 siswazah universiti Malaysia.

JPDC adalah anak syarikat **Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC)**, kedua-duanya agensi Kerajaan Persekutuan melapor kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Mandat JPDC termasuk menjadi agensi teraju untuk perancangan dan penyelarasaran kerja-kerja pembangunan industri hiliran minyak dan gas di PIPC, mempromosi dan memudahcara pelaburan minyak dan gas hiliran dan petrokimia masuk ke PIPC, pembangunan kelompok tenaga kerja berkemahiran yang sedia untuk diambil bekerja oleh industri serta memudahcara penglibatan tenaga kerja dan usahawan atau perniagaan tempatan dalam pembangunan ekonomi di PIPC.

Izhar menzahirkan rasa bertuah kerana JPDC berpeluang bekerjasama dengan pemain-pemain industri utama dalam usaha melaksanakan mandat-mandat pembangunan ekonomi yang diamanahkan. Izhar juga yakin bahawa pengetahuan, pengalaman dan peluang yang telah dilalui oleh JPDC dalam membangunkan PIPC sebagai hab industri hiliran minyak dan gas dan petrokimia dapat menjadi sumber rujukan berguna untuk pembangunan bertujuan sama di tempat lain di Malaysia. other similar planned developments in Malaysia.

-TAMAT-

Kenyataan media oleh:

Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC)

Sekiranya ada pertanyaan lanjut, sila hantar e-mel kepada **Rofidah Azman**, Pengurus, Komunikasi Strategik di wwanrofidah@jpdc.gov.my.